



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PELANCARAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PASCA
COVID-19 PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Putrajaya, 28 Ogos 2020 – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah melancarkan “**Kempen Pembudayaan Norma Baharu Pasca COVID-19 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara**” hari ini.

2. Pada majlis yang diadakan hari ini, YB Menteri Perpaduan Negara turut menyerahkan “**mock cheque**” berjumlah **RM150,000** kepada **30 buah Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** yang akan menjalankan program di bawah Kempen Pembudayaan Norma Baharu Pasca COVID-19 yang dilancarkan. Setiap KRT yang terlibat akan diberikan geran sebanyak RM5,000 bagi menjahit peralatan PPE untuk warga petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain daripada itu, YB Menteri Perpaduan Negara turut melancarkan **video animasi bertemakan perpaduan dan amalan norma baharu pasca COVID-19** yang menampilkan karakter Papa Pipi Zola dan BoboiBoy.

3. Di dalam ucapan beliau, YBM Menteri Perpaduan Negara turut memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara telah **mencapai sebanyak 91.3% pencapaian perkhidmatan E2E (End to End) oleh MAMPU dan merupakan yang kedua tertinggi** di antara 26 Kementerian. Perkhidmatan E2E merujuk kepada perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, proses yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa berurusan secara bersemuka. Beliau turut merakamkan ucapan syabas di atas komitmen warga Kementerian di atas pelaksanaan pelbagai pencapaian, program, dan aktiviti yang telah dilaksanakan di dalam tempoh enam (6) bulan semenjak penubuhan Kementerian ini.

4. YBM Menteri Perpaduan turut mengajak seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara untuk menghayati Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 dan majlis diakhiri dengan kibaran jalur gemilang oleh semua yang hadir.

Kementerian Perpaduan Negara

28 Ogos 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (24)